

13,444 premis perniagaan diperiksa



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP Kota Kinabalu menjalankan pemeriksaan terhadap kedai runcit di Tanjung Aru, Kota Kinabalu. FOTO JUWAN RIDUAN

Juwan Riduan
am@hmetro.com.my

SEBANYAK 13,444 premis perniagaan di Sabah diperiksa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sejak 18 Mac sehingga semalam.

Pengarah KPDNHEP Sabah, Georgie Abas berkata, pemeriksaan membabitkan premis perniagaan di bandar dan luar bandar seluruh negeri ini.

"Sebanyak 37 tindakan kes dihasilkan sepanjang PKP di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan dengan nilai rampasan berjumlah RM298,077.15.

"Selain itu, sebanyak 16 kes sudah dikompaun dengan kompaun yang dikutip adalah RM7,100," katanya menerusi kenyataan media, hari ini.

Menurutnya, seramai 200 pegawai penguat kuasa dan 90 pegawai pemantau harga dari pejabat KPDNHEP Sabah yang membuat pemeriksaan sepanjang PKP berkenaan.

"Ini membabitkan lapan pejabat cawangan terbabit secara khusus bagi melakukan pemeriksaan ke atas lokasi-lokasi tumpuan pengguna berbelanja di sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.

"Kita juga komited untuk memastikan pemantauan dan pemeriksaan berterusan ke atas bekalan dan harga barang keperluan isi rumah sepanjang PKP dan PKPB," katanya.

Beliau berkata, pihaknya juga merekodkan sebanyak 278 aduan yang diterima bagi tempoh berkenaan.

"Sejumlah 231 daripada keseluruhan aduan pengguna sudah diselesaikan manakala baki sebanyak 47 aduan lagi masih dalam siasatan lanjut," katanya.

Sementara itu, Georgie berkata, pihaknya juga ingin memaklumkan bahawa hasil pemantauan dan pemeriksaan ke atas pengeluar, pemborong dan peruncit sepanjang PKP ini mendapati bekalan barang keperluan adalah mencukupi, stabil dan mudah diperolehi.

"Disamping itu, kita juga memastikan Program Penyeragaman Harga berjalan dengan lancar walaupun dalam tempoh PKP.

"Selain itu, sempena perayaan Aidilfitri dan Pesta Kaamatan, pemeriksaan ke atas semua peringkat rantaian makanan akan dipertingkatkan.

"Ini bagi memastikan bekalan barang keperluan sentiasa mencukupi dan dijual pada harga yang berpatutan," katanya.

Sehubungan itu, beliau memberi amaran kepada segelintir peniaga yang cuba mengambil kesempatan dalam tempoh PKP berkuat kuasa dan sesiapa yang didapati menaikkan harga barangan secara tidak berpatutan akan diambil tindakan.

Pegawai penguat kuasa KPDNHEP Kota Kinabalu menjalankan pemeriksaan ke atas kedai runcit yang didapati gagal meletak tanda harga di Tanjung Aru, Kota Kinabalu.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/577601/13444-premis-perniagaan-diperiksa>

Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 12 Mei 2020 @ 5:25 PM